

08/02/1997

Bersama perangi gejala sosial

KUALA LUMPUR, Jumaat - Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) wajar memikul tanggungjawab bersama memerangi gejala sosial yang melanda masyarakat, terutama di kalangan golongan muda, kata Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Menurutnya, usaha bersepadu itu penting kerana hakikatnya perkembangan ekonomi sesebuah negara tidak mampu bertahan lama jika masyarakatnya mengalami keruntuhan moral dan luntur pegangan agama.

Beliau berkata, parti komponen BN adalah satu gabungan yang paling berkesan membantu kerajaan menimbulkan kesedaran moral dan memupuk nilai murni kerana sebahagian besar rakyat menganggotai satu daripada parti komponen BN.

"BN perlu menumpukan sebahagian besar perhatian kepada usaha dan program membanteras gejala sosial dalam usaha melahirkan masyarakat yang seimbang kemajuan material dan kerohaniannya.

"Kegagalan membanteras gejala sosial boleh menyebabkan perkembangan ekonomi negara terbantut dan kemudian lumpuh," katanya mengulas langkah Umno menggerakkan jentera cawangan dan bahagian mulai Mac ini bagi memerangi gejala sosial di kalangan remaja Melayu.

Sebelum itu, Dr Ling menjadi tuan rumah majlis sambutan Tahun Baru Cina yang diadakan di Dewan San Choon, Wisma MCA, hari ini.

Majlis berkenaan dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, serta isteri masing-masing.

Turut hadir, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, serta perwakilan asing di ibu negara.

Lebih 3,000 orang dari pelbagai kaum menghadiri sambutan itu yang diserikan dengan pertunjukan tarikan tradisi Melayu dan Cina.

Dr Ling berkata, MCA menangani perkara ini sejak dua tahun lalu, termasuk menubuhkan Biro Keagamaan kerana parti itu percaya perkembangan ekonomi tidak akan mampan jika tidak disertai perkembangan rohani di kalangan rakyatnya.

"Oleh itu, MCA mengadakan kerjasama yang rapat dengan pertubuhan pelbagai agama seperti Kristian, Buddha dan Sikh," katanya.

Menurutnya, MCA akan meneruskan usaha dan kerjasama itu di samping menyelaraskan program yang dilaksanakan kerajaan.

Gejala sosial membabitkan kira-kira 67 peratus remaja Melayu, berbanding 16 peratus remaja Cina.

Dr Ling berkata, program keagamaan anjuran MCA setakat ini sudah mula menampakkan kesan apabila ada peningkatan kesedaran agama di kalangan masyarakat Cina.

"Kita lihat kesedaran mengenai penting seseorang itu kembali mengamalkan ajaran agama masing-masing semakin ketara," katanya.

(END)